

UM - 4 JAN 2000

MT tetapkan

11 Mei

tarikh 21
perhimpunan
agung

KUALA LUMPUR 3 Jan. — Majlis Tertinggi (MT) UMNO menetapkan tarikh Perhimpunan Agung UMNO, yang turut menyaksikan pertandingan pucuk pimpinan, diadakan 11 Mei ini bersempena ulang tahun ke-54 parti itu.

Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, perhimpunan Pergerakan Wanita dan Pemuda akan diadakan pada 10 Mei, diikuti Perhimpunan Agung UMNO pada 11, 12 dan 13 Mei.

“Para perwakilan peringkat cawangan dan bahagian pula akan diberi tempoh enam minggu untuk mengadakan mesyuarat bermula 16 Januari ini,” katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat MT di sini hari ini.

Menurut Dr. Mahathir, terdapat sedikit perubahan pada perhimpunan agung kali ini iaitu ia akan bermula pada hari Khamis dan berakhir hari Sabtu.

Sebelum ini, semua perhimpunan agung parti itu bermula pada hari Jumaat dan berakhir pada hari Ahad.

Di samping itu, kata Perdana Menteri, tarikh perhimpunan itu ditetapkan pada bulan Mei sebagai memenuhi kehendak perlembagaan parti iaitu pemilihan pucuk pimpinan parti perlu diadakan sebelum bulan Jun setelah ditangguhkan selama 18 bulan.

Pemilihan pucuk pimpinan UMNO setiap tiga tahun sekali sepatutnya diadakan Jun tahun lalu tetapi ditangguhkan bagi membolehkan parti menumpukan perhatian kepada pilihan raya umum yang lalu.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa semua calon yang akan bertanding pada pemilihan kali ini tidak seharusnya berkempen.

“Sepatutnya calon-calon dipilih berdasarkan prestasi mereka yang telah diketahui,” katanya.

Mengenai calon-calon yang sudah menawarkan diri untuk bertanding jawatan Naib Presiden, Dr. Mahathir berkata: “Kita minta kalau nak jadi Naib Presiden pun tidak perlu ada kempen.”